

Dirangka berasaskan andaian harga minyak pada paras AS\$48 setong

Semakan semua Bajet 2016 wajar

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

KUALA LUMPUR – Semakan semula terhadap Bajet 2016 dilihat sebagai suatu yang wajar dilaksanakan sekiranya harga minyak mentah dunia kekal berada pada paras terendah.

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid (**gambar**) berkata, ini kerana ketika Bajet 2016 dirangka, ia dibuat berasaskan andaian harga minyak berada pada paras AS\$48 (RM206) setong dan pada minggu lepas, harga bagi penanda aras Brent telah mencecah AS\$36 (RM155) setong.

“Semakan ini adalah wajar



bagi menguruskan jangkaan para pelabur dan rakyat tentang apa yang akan dilaksanakan kerajaan bagi menghadapi situasi sukar, terutamanya sasaran pengurangan defisit fiskal yang dijangka menurun kepada 3.1 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2016.

“Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, sasaran ini mungkin perlu lebih bersifat realistik kerana pengurangan berterusan bagi perbelanjaan kerajaan akan memberi kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi negara terutamanya apabila rakyat terjejas dengan kenaikan harga barangan yang melemahkan sentimen pengguna.

“Oleh itu, sedikit kompromi terhadap sasaran defisit fiskal seharusnya diterima secara positif oleh semua pihak memandangkan ia dibuat berdasarkan prospek ekonomi yang kian mencabar pada tahun depan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Pada sesi dagangan semalam, penanda aras Brent berlegar-legar pada paras AS\$37.16 (RM160) hingga AS\$37.95 (RM163) setong sehingga pukul lima petang.

Kemelut harga minyak mentah dunia dilihat semakin memberi tekanan kepada sektor minyak dan gas (O&G) apabila kedua-dua minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) dan Brent telah mencatatkan penurunan melebihi 30 peratus bermula awal tahun ini.

Menurut agensi berita AFP, keengganan anggota Pertubu-

han Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran ketika kejatuhan harga minyak adalah bertujuan untuk mengekalkan bahagian pasarannya berbanding pengeluaran dengan kos yang lebih tinggi.

Krisis itu bakal diburukkan lagi apabila Agensi Tenaga Antarabangsa baru-baru ini memberi amaran jangkaan lebih minyak global menjadi semakin serius sepanjang tahun depan.

Sementara itu, menurut Mohd. Afzanizam, OPEC perlu mengurangkan aktiviti pengeluaran minyak bagi mengawal paras penawaran yang bersesuaian dengan keadaan permintaan semasa, meskipun keputusan tersebut perlu mengambil kira pertumbuhan ekonomi negara-negaranya.

“Dengan mengambil kira fak-

tor sektor O&G sebagai sektor terpenting bagi negara-negara OPEC, sekiranya aktiviti pengeluaran minyak dikurangkan, berkemungkinan pertumbuhan ekonomi mereka akan menjadi lebih perlahan.

“Selain itu ekonomi juga mungkin berhadapan dengan risiko kemelesetan jika pengeluaran minyak terus dihentikan,” ujarinya.

Tambahnya, sebagai contoh, sumbangan sektor O&G kepada ekonomi Arab Saudi ialah 45 peratus daripada nilai KDNK, iaitu hampir setengah daripada jumlah pengeluaran bagi ekonomi mereka.

“Justeru itu, sebarang perubahan kepada aktiviti pengeluaran minyak akan memberi kesan langsung kepada prestasi ekonomi mereka secara keseluruhan,” jelasnya.